

04 JUN 2000

Mahathir-Warisan

DR MAHATHIR PUJI LANGKAH PULAU PINANG PULIHARA WARISAN

PULAU PINANG, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulihara dan mengekalkan bangunan-bangunan warisan khususnya di sekitar bandar Georgetown.

Beliau berkata, terdapat banyak perubahan di Pulau Pinang terutamanya dalam usaha memulihara bangunan-bangunan warisan untuk menjadikan kawasan bandar lebih menarik.

"Banyak yang telah dilakukan dan amat menarik seperti Lebuh Campbell yang dijadikan lebu pejalan kaki yang cantik dan pasar budaya "The Garage" yang nampak menarik," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Perdana Menteri bersama isterinya, Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di Pulau Pinang sejak semalam untuk majlis penutup Sukan Malaysia (Sukma) VIII di Stadium Negeri di Batu Kawan malam tadi dan mengadakan lawatan peribadi di beberapa tempat di negeri ini pada sebelah pagi ini.

Dr Mahathir berkata, terdapat perubahan yang jelas di kawasan bandar dan usaha itu perlu diteruskan untuk mengekalkan bangunan-bangunan warisan di Pulau Pinang.

Mengenai tahap kebersihan di negeri ini, Perdana Menteri berkata terdapat peningkatan daripada segi kebersihan tetapi masalah pembuangan sampah masih jelas di kebanyakan tempat.

"Kita mahu jaga kebersihan bukan mudah kerana kita membersihkannya waktu ini, satu jam kemudian orang buang sampah. Jadi, kebersihan bukan sahaja pada pihak berkuasa, tetapi juga pada orang ramai," katanya.

Beliau berkata, orang ramai perlu bertanggungjawab menjaga kebersihan alam sekeliling kerana mereka yang akan hidup di persekitaran itu.

"Takkan mereka ingin hidup dalam tong sampah atau timbunan sampah kerana dengan membuang sampah tanpa mengambil kira alam sekeliling, maka kita akan hidup dalam timbunan sampah," tegas beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah berpuas hati mengenai kebersihan di mana-mana juga tempat kerana tahap kebersihan itu masih boleh dipertingkatkan.

Dr Mahathir berkata: "Semasa saya berjalan di tepi pantai di Batu Feringghi pagi ini, saya ternampak botol-botol plastik yang dipukul ombak ke tepi pantai dan ini menunjukkan bahawa kebersihan perlu dijaga sepanjang masa dan bukannya sekali dalam tempoh tiga hari."

Mengenai Empangan Teluk Bahang, Perdana Menteri berkata pemandangan di kawasan itu amat cantik dan kerja-kerja lanskap perlu dipertingkatkan untuk memperindahkan lagi kawasan berkenaan.

Perdana Menteri yang diiringi Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahaya melawat empangan berkenaan kira-kira 10 minit sebelum berlepas ke Tropical Fruit Farm di Balik Pulau bagi menikmati buah-buahan tempatan.

Perdana Menteri dan rombongannya menghabiskan masa kira-kira sejam bagi menikmati buah-buahan seperti durian, nangka, cempedak, manggis dan rambutan.

Rombongan Perdana Menteri juga turut melawat "The Garage" yang terletak di Lebu Farquhar yang berkonsepkan pasar budaya bagi menjual barang-barang kraftangan, pewter, lukisan serta ukiran.

Perdana Menteri berlepas pulang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Kuala Lumpur pada kira-kira pukul 2.30 petang ini.

-- BERNAMA

SA PR